

Galak syarikat besar bantu PKS percepat pemulihan ekonomi

PANDEMIK COVID-19 mengganggu ekosistem ekonomi yang turut merencatkan pertumbuhan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di negara ini.

Berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) PKS pada 2020 merosot 7.3 peratus berbanding KDNK Malaysia dan KDNK bukan PKS masing-masing mencatatkan penurunan 5.6 peratus dan 4.6 peratus.

Kebanyakan PKS terpaksa mengecilkan skala operasi dan mengurangkan jumlah pekerja berikutan kekurangan modal, malah ada menutup perniagaan dijalankan bertahun-tahun.

Usaha memulihkan kembali memakan masa jika tidak ditangani dengan kreatif dan hanya bergantung cara sedia ada. Ini memerlukan intervensi lebih serius dan daya usaha kreatif kerajaan untuk membantu pemulihan pasca pandemik.

Pengenalan model perniagaan inklusif menjadi inisiatif terbaik membantu mempercepatkan pemulihan PKS, selain pendekatan seperti menawarkan bantuan dan pinjaman kewangan, bimbingan dan inisiatif pendigitalan.

Model ini dipacu syarikat besar dalam usaha memperkasakan PKS dan komuniti melalui libat sama dalam rantai bekalan sebagai pembekal, pemborong, rakan dagang atau sebagai pelanggan.

Ia akan memperkasakan PKS melalui perkongsian kepakaran terutama penghasilan produk atau perkhidmatan, memantapkan prestasi pengurusan dengan bimbingan syarikat kerjasama, peluang membesarkan perniagaan serta peningkatan kualiti produk dan perkhidmatan.

Menyedari potensi model perniagaan inklusif sebagai kunci membangunkan kembali ekonomi, usaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) wajar disokong penggerak industri serta syarikat besar.

Bagi menggalakkan pembabitan syarikat besar dan konglomerat, kerjasama rentas kementerian diperlukan bagi mewujudkan ekosistem perniagaan lebih komprehensif serta menyokong hasrat murni melalui model perniagaan ini.

Antara kriteria digariskan dalam model ini, kemampuan mencipta peluang untuk berkreatif dan menggalakkan penyelidikan kapasiti serta sumber dan meningkatkan pembabitan masyarakat tempatan dalam rantai nilai syarikat.

Ia mampu menggalakkan pembinaan kapasiti lebih mampan dalam rantai nilai seperti menawarkan khidmat sokongan berbentuk latihan, peningkatan teknologi dan kemahiran pengurusan.

Juga menyokong PKS untuk mewujudkan posisi perundingan lebih kuat, boleh dikembangkan dalam jangka sederhana dan menggalakkan penyusunan perdagangan secara fleksibel.

Model ini terbukti memberikan impak positif di dunia ketiga. Coca-Cola misalnya mewujudkan Pusat Pengedaran Mikro di Ethiopia pada 1999 sebagai inisiatif membantu usahawan setempat menjana pendapatan sebagai pengedar produk, selain menyelesaikan masalah menembusi pasaran mencabar berikutan capaian logistik seperti jalan tidak begitu baik.

Coca-Cola menawarkan latihan dan sokongan kewangan, memperkemarkan proses piawai serta menyelia usahawan. Ini membuka peluang kepada penduduk setempat untuk menjadi usahawan bimbingan Coca-Cola, selain mewujudkan peluang pekerjaan.

Di Kenya, kerjasama strategik Vodafone dan syarikat tempatan, Safaricom mewujudkan perkhidmatan pemindahan wang berasaskan telefon bimbit, M-Pesa. Model ini membolehkannya berkembang pantas dengan pengguna melakukan transaksi dengan mengunjungi cawangan ejen M-Pesa atau kedai runcit.

Rakyat tempatan berpeluang menjadi ejen M-Pesa, sekali gus diberikan bimbingan menjayakan model itu. Ia bukan sahaja memberi akses sistem kewangan formal kepada jutaan pengguna dalam komuniti, bahkan dikembangkan ke negara lain di Afrika.

Syarikat besar mempunyai kapasiti meluaskan pasaran, di samping set kepakaran dan sumber boleh dikongsi untuk meningkatkan kemampuan PKS.

Kerajaan boleh berperanan aktif menggalakkan syarikat besar menginovasikan rantai nilai kepada lebih inklusif, mesra PKS dan bersifat lokal dengan menawarkan insentif, sokongan intervensi dan keistimewaan.

Malah, universiti juga perlu berperanan dengan mengkaji, mempromosi dan membantu kerajaan untuk menggalakkan penggerak industri terutama syarikat besar untuk berinovasi melalui pendekatan model perniagaan inklusif.

Universiti boleh turun ke akar umbi untuk mengkaji keperluan sebenar diharapkan usahawan dan memastikan butiran ini sampai kepada pihak berkepentingan.

Kumpulan penyelidik daripada Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) contohnya, melakukan kajian akademik dalam model perniagaan inklusif untuk meningkatkan prestasi PKS dan membantu pemulihan ekonomi.

Model perniagaan inklusif jelas memberikan sinar baharu kepada PKS untuk pulih, sekali gus mewujudkan komuniti perniagaan lebih bertanggungjawab, mesra lokal dan mampan.

<https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2021/10/880118/galak-syarikat-besar-bantu-pks-percepat-pemulihan-ekonomi>